



**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
METRO KUALA LUMPUR

RABIATUL ADAWIYAH RAYAH  
JASMINE JAMALUDIN

# JENAYAH KOLAR PUTIH

MPU 22071  
KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

**KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH**  
**JENAYAH KOLAR PUTIH**



**Rabiatul Adawiyah Rayah**  
**Jasmine Jamaludin**

Pertama Kali Diterbitkan 2024

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh dihasilkan, disimpan dalam apa-apa percubaan semula atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi atau sebaliknya tanpa kebenaran penerbit terlebih dahulu.

**Penulis**

**Rabiatul Adawiyah binti Rayah**

**Jasmine binti Jamaludin**

Diterbitkan oleh:

Jabatan Pengajian Am

Politeknik METrO Kuala Lumpur

14, Jalan Setiawangsa 10, Taman Setiawangsa, 54200 Kuala Lumpur,

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tel : +603-42518000

Faks : +603-42517979



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari  
Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-0074-21-4

# Isi Kandungan

|          |                                            |    |
|----------|--------------------------------------------|----|
| <b>1</b> | <b>PENGENALAN</b>                          |    |
|          | Hasil Pembelajaran                         | 1  |
|          | Pengenalan                                 | 2  |
|          | Jenayah Kolar Putih                        | 3  |
|          | Definisi                                   | 4  |
|          | Elemen                                     | 7  |
| <b>2</b> | <b>PERBEZAAN</b>                           |    |
|          | Jenayah Kolar Putih dan Kolar Biru         | 12 |
|          | Ringkasan                                  | 15 |
| <b>3</b> | <b>KESAN</b>                               |    |
|          | Kesan Jenayah Kolar Putih                  | 16 |
|          | Ekonomi dan Kepercayaan Awam               | 17 |
|          | Impak Undang-Undang dan Pembangunan Sosial | 18 |
|          | Psikologi dan Kepimpinan & Etika           | 19 |
|          | Ringkasan                                  | 20 |
| <b>4</b> | <b>CONTOH</b>                              |    |
|          | Kes Sebenar Jenayah Di Dalam Negara        | 21 |
|          | Kes Sebenar Jenayah Di Luar Negara         | 31 |
|          | Jenayah Kolar Putih Terkini                | 36 |
|          | Mengenali Profil Fraudster                 | 43 |
| <b>5</b> | <b>KESIMPULAN</b>                          |    |
|          | Latihan Pengukuhan                         | 47 |
|          | Rujukan                                    | 53 |



# *Hasil Pembelajaran*

**NAMA KURSUS: MPU 22071 KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH**

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

**CLO2**

Menilai bentuk pelakuan rasuah dan salah guna kuasa dalam aktiviti seharian dan organisasi.

**(A3, CLS 3F)**

**Modul 7: Jenayah Kolar Putih**

7.1 Definisi Jenayah Kolar Putih

7.2 Perbezaan Jenayah Kolar Putih dan Kolar Biru

7.3 Kesan Jenayah Kolar Putih

7.4 Contoh Kes Sebenar Jenayah Di Dalam dan Luar Negara

7.5 Jenayah Kolar Putih Terkini

7.6 Mengenali Profil Fraudster

7.7 Latihan Pengukuhan

Kaedah Pengajaran:

**Perbincangan/ Soal Jawab**

Kaedah Penilaian:

**Pembentangan/ Demonstrasi**

# *Pengenalan*

Dewasa ini, amalan rasuah semakin berleluasa sehingga mewujudkan kebimbangan di kalangan masyarakat Malaysia. Terdapat segelintir rakyat yang menganggap bahawa amalan rasuah tidak memberi kesan negatif yang besar.

Masyarakat Malaysia akan menerima kesan buruk yang hebat sekiranya gejala rasuah tidak dibendung. Hal ini demikian kerana rasuah akan membawa kepada pelbagai masalah di kemudian hari seperti mengancam keselamatan orang awam kerana peningkatan kadar jenayah yang berpunca daripada amalan rasuah.

Untuk mengelakkan jenayah rasuah daripada berterusan menguasai sektor awam, kerajaan telah menubuhkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang memulakan operasi sebagai sebuah jabatan penuh pada 1 Oktober 1967.

Pada tahun 1982, Akta Pencegahan telah diluluskan oleh Parlimen untuk mengukuhkan peranan BPR sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan khusus untuk mencegah perbuatan rasuah.

Akhirnya pada tahun 2008, BPR telah diberikan peranan yang lebih penting dengan tugas penguatkuasaan yang luas menjadi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

## **Jenayah Kolar Putih**

# DEFINISI JENAYAH KOLAR PUTIH

"Jenayah Kolar Putih merujuk kepada apa-apa perbuatan salah laku yang dilakukan oleh golongan pertengahan atau atasan yang bersangkutan dengan bidang tugas mereka."

encarta concise encyclopedia

"Jenayah yang melibatkan pecah amanah secara tersirat yang wujud bersama-sama jawatan yang dipegang atau mana-mana kedudukan amanah."

YOUNG

EDWIN SUTHERLAND

"..adalah satu jenayah dilakukan oleh seorang yang dihormati dan berstatus tinggi dalam pekerjaannya."





Jenayah kolar putih merujuk kepada pelanggaran undang-undang yang dilakukan oleh individu atau organisasi dalam konteks perniagaan atau profesional, yang biasanya melibatkan penipuan, penyalahgunaan kuasa, atau pelanggaran etika.

Jenayah ini sering kali tidak melibatkan kekerasan fizikal atau paksaan, akan tetapi boleh menyebabkan kerugian besar kepada individu, syarikat, atau masyarakat secara keseluruhan kerana melibatkan dana awam dan kerugian fiskal iaitu hasil pendapatan kerajaan .



Definisi jenayah kolar putih menurut anda?

Di antara contoh-contoh jenayah kolar putih termasuk penipuan kewangan, penggelapan, penyalahgunaan maklumat dalaman, dan rasuah.

Individu yang terlibat dalam jenayah ini sering kali mempunyai kedudukan berkuasa atau berpengaruh, menjadikan mereka lebih sukar untuk ditangkap dan didakwa.

Jenayah kolar putih boleh memberi kesan negatif kepada ekonomi dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi.



Bolehkah anda fikirkan contoh-contoh jenayah kolar putih yang lain?

# ELEMEN JENAYAH KOLAR PUTIH



Pelanggaran Undang-Undang



Kepentingan Peribadi



Penyalahgunaan Kuasa



Niat Jahat



Konsep Penipuan



Persekitaran Perniagaan

### **1. Pelanggaran Undang-Undang:**

Tindakan yang dilakukan adalah menyalahi undang-undang. Contohnya seperti penipuan dana, penggelapan wang, rasuah, dan penyalahgunaan kuasa.



### **2. Kepentingan Peribadi:**

Tindakan tersebut biasanya dilakukan untuk mendapatkan keuntungan peribadi. Sebagai contoh keuntungan peribadi di dalam bentuk kewangan, kekuasaan, atau reputasi.

Catatan:



### **3. Penyalahgunaan Kuasa:**

Individu yang terlibat sering mempunyai kedudukan berkuasa atau berpengaruh. Hal ini membolehkan mereka melakukan pelanggaran tanpa dikenakan hukuman yang setimpal.



### **4. Niat Jahat:**

Terdapat niat jahat untuk menipu atau merugikan orang lain. Oleh yang demikian, perkara ini menjadikan tindakan tersebut sebagai jenayah.



Catatan:



### 5.Konsep Penipuan:

Jenayah kolar putih sering melibatkan elemen penipuan. Sebagai contoh penyampaian maklumat palsu atau manipulasi data untuk mencapai matlamat tertentu.



### 6.Persekkitaran Perniagaan:

Jenayah ini sering berlaku dalam konteks perniagaan, organisasi, atau institusi kewangan. Hal ini demikian kerana keadaan sistem tersebut yang membolehkan proses atau aktiviti jenayah kolar putih disembunyikan.


Catatan:



## Ringkasan



Kesemua elemen ini menjadikan jenayah kolar putih berbeza daripada jenayah konservatif. Hal ini demikian kerana, jenayah konservatif lazimnya melibatkan kekerasan fizikal atau ancaman secara langsung. Perbezaan terperinci di antara jenayah kolar putih dan jenayah kolar biru akan dibincangkan dalam topik seterusnya.



Apakah yang boleh anda senaraikan mengenai ciri-ciri jenayah kolar putih?



# PERBEZAAN JENAYAH KOLAR PUTIH & KOLAR BIRU

## KOLAR PUTIH

- Terlibat dalam urusan pentadbiran dan pengurusan serta membuat dasar.
- Tidak mendatangkan bahaya atau ancaman kepada tubuh badan mangsa.
- Menggunakan jawatannya di sesebuah syarikat atau kerajaan untuk melakukan perbuatan salah laku seperti penggelapan wang, rasuah, penipuan dan tidak membayar cukai pendapatan.
- Contoh pekerjaan kolar putih adalah seperti peguam, pegawai bank dan ahli politik.



## KOLAR BIRU

- Pekerja mahir dan pekerja tidak mahir yang terlibat dalam industri perlombongan, pembinaan, perniagaan, kerja mekanikal, dan kerja-kerja pembaikan.
- Contoh tindakan jenayah kolar biru ialah rompakan bersenjata, pembunuhan, rogol, pencurian dan serangan fizikal.
- Contoh pekerjaan kolar biru ialah tukang paip, kontraktor awam, juru elektrik, pengurus pembaikan dan banyak lagi.



Secara keseluruhannya, perbezaan antara jenayah kolar putih dan kolar biru terletak pada jenis individu yang terlibat, konteks tindakan, dan cara pelanggaran dilakukan.

### Definisi

#### Kolar Putih

Jenayah yang dilakukan oleh individu atau organisasi dalam konteks perniagaan. Ia melibatkan pelanggaran undang-undang tanpa kekerasan fizikal atau paksaan.

Contoh: Penipuan kewangan, penggelapan wang, rasuah, & penyalahgunaan maklumat dalaman.

#### Kolar Biru

Jenayah yang dilakukan oleh pekerja dalam bidang pekerjaan fizikal. Ia sering kali melibatkan kekerasan atau ancaman.

Contoh: Kecurian, penipuan, vandalisme, & jenayah berkaitan dadah


### Individu Terlibat

Melibatkan individu yang berada dalam kedudukan berkuasa atau berpengaruh, seperti eksekutif syarikat, pegawai kerajaan, atau profesional.

Melibatkan individu dari latar belakang yang lebih rendah dalam hierarki sosial dan ekonomi seperti buruh atau pekerja kilang.

## Motivasi

Selalunya berkaitan dengan keuntungan kewangan atau peningkatan status peribadi.



Didorong oleh keperluan ekonomi, ketidakadilan sosial, atau tekanan peribadi.



## Kesan

Boleh merosakkan ekonomi, kepercayaan masyarakat, dan reputasi institusi.



Sering menyebabkan kesan langsung ke atas mangsa, termasuk kerugian harta benda dan keselamatan peribadi.



## Ringkasan

Secara ringkas, jenayah kolar putih lebih kepada pelanggaran undang-undang dalam konteks perniagaan dan profesional, manakala jenayah kolar biru melibatkan tindakan jenayah yang lebih fizikal dan sering berkaitan dengan pekerja sektor buruh. Keduanya mempunyai kesan yang berbeza terhadap masyarakat dan ekonomi.

Catatan:

# KESAN JENAYAH KOLAR PUTIH

Kesan jenayah kolar putih boleh menjadi luas dan mendalam, meliputi beberapa aspek:

Ekonomi

Kepercayaan Awam

Impak Undang-undang

Pembangunan Sosial

Kesan Psikologi

Kepimpinan dan Etika

## 1 Ekonomi


Jenayah ini boleh menyebabkan kerugian kewangan yang besar kepada syarikat dan individu.

Contohnya, penipuan wang boleh merosakkan nilai pasaran syarikat dan mengakibatkan kerugian pekerjaan.

## 2 Kepercayaan Awam

Jenayah kolar putih sering kali merosakkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi, termasuk bank, syarikat, dan pemerintah.

Apabila kepercayaan ini hilang, ia boleh mengakibatkan ketidakstabilan sosial dan ekonomi.



3

### Impak Undang-Undang

Jenayah ini boleh membawa kepada penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat dan perubahan dalam undang-undang, yang boleh membebankan perniagaan dan individu dengan kos tambahan.

4

### Pembangunan Sosial

Kes jenayah kolar putih boleh menyebabkan ketidaksamaan sosial, di mana individu atau kumpulan tertentu mendapat keuntungan yang tidak adil, menyebabkan jurang antara kaya dan miskin semakin melebar.

Pernahkah anda berhadapan dengan situasi  
yang  
berkaitan dengan kenyataan di atas?

5

## Kesan Psikologi

Mangsa jenayah kolar putih, seperti pelabur yang ditipu, boleh mengalami tekanan emosi dan psikologi yang serius, termasuk kebimbangan dan kemurungan.



6

## Kepimpinan dan Etika

Kes jenayah kolar putih boleh mencemarkan reputasi pemimpin dan organisasi, menjadikannya sukar untuk mendapatkan kepercayaan semula daripada pekerja, pelanggan, dan pemegang kepentingan.





## Ringkasan

Keseluruhannya, kesan jenayah kolar putih boleh memberi impak yang luas dan negatif terhadap pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Sekiranya dibiarkan, jenayah kolar putih boleh membawa kesan negatif terhadap integriti institusi kewangan dan kemajuan negara.

Selain itu, keupayaan agensi penguat kuasa dalam mengurus dan menyiasat kes penyelewengan kewangan akan turut terjejas akibat jenayah kolar putih yang tidak dibendung. Hal ini demikian kerana, jenayah kolar putih seringkali melibatkan individu-individu berprofil tinggi di dalam masyarakat.

Catatan:

## CONTOH KES SEBENAR JENAYAH KOLAR PUTIH (DALAM NEGARA)

Jenayah kolar putih merujuk kepada kesalahan ekonomi dan kewangan yang dilakukan oleh individu atau organisasi yang sering kali melibatkan penyalahgunaan kuasa dan penggelapan. Berikut adalah beberapa contoh kes sebenar jenayah kolar putih di Malaysia:

### Skandal 1MDB



Skandal 1 Malaysia Development Berhad adalah salah satu kes jenayah kolar putih yang paling terkenal di Malaysia. Ia melibatkan penyelewengan dana dari syarikat pelaburan negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB), yang dipercayai melibatkan sejumlah besar wang yang hilang, dengan ramai individu termasuk bekas Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak turut terlibat. Pada 20 September 2018, beliau didakwa di Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur atas empat pertuduhan rasuah, 21 pertuduhan pengubahan wang haram.

Pasukan Penjejakan Aset 1MDB diwujudkan pada tahun 2018 bagi menjejak dan memperoleh semula dana negara yang hilang akibat skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low, merupakan seorang usahawan, ahli perniagaan, dan pembiaya aset Malaysia dinyatakan oleh kerajaan Amerika Syarikat berasal daripada pembayaran rasuah daripada dana 1MDB.

Setelah memfailkan aduan yang mendakwa bahawa lebih daripada AS \$ 4.5 bilion telah dialihkan dari 1MDB oleh Jho Low dan konspirator lain termasuk pegawai dari Malaysia, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu, Jabatan Keadilan Amerika Syarikat berkata ia akan terus melakukan siasatan ke 1MDB dan melihat ke hadapan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa Malaysia.



Bekas Pengerusi 1MDB, Tan Sri Mohd Bakke Salleh ketika memberikan keterangan, memberitahu mahkamah beliau nampak ahli perniagaan itu keluar masuk dari pejabat Najib ketika tertuduh menjadi menteri kewangan.

Mengikut kes pendakwaan, Najib melalui kata-kata dan tindakannya memberi arahan jelas kepada pegawai 1MDB, Lembaga Pengarah dan lain-lain bahawa Jho Low adalah 'alter ego' sebenarnya dan Jho Low bayangan tertuduh.

Pada 28 Julai 2020, bekas Perdana Menteri, Najib Razak dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta, selepas didapati bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd (SRC).

## Kes Bank Negara Malaysia (BNM)

Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan bank pusat di Malaysia. Ia merupakan badan berkanun yang mula beroperasi pada 26 Januari 1959. Terdapat beberapa kes yang melibatkan pegawai tinggi di Bank Negara Malaysia yang didakwa terlibat dalam penipuan dan penyalahgunaan kuasa, termasuk pengurusan dana yang tidak telus.



Sekitar tahun 1991 sehinggalah 1993, BNM terlibat dalam perdagangan mata wang asing dikenali sebagai 'Forex' yang menyebabkan kerugian besar kepada negara. Bekas Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Murad Khalid mendedahkan BNM kerugian sebanyak USD10 Bilion.



Tan Sri Jaffar Hussein (kiri) dan Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcop

Tan Sri Jaffar Hussein adalah Gabenor Bank Negara Malaysia ketika itu, manakala Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed Yakcop, seorang pegawai kanan di BNM, dikatakan bertanggungjawab terhadap operasi perdagangan mata wang tersebut. Kedua-dua mereka menghadapi kritikan hebat selepas skandal ini terbongkar.



Modus operandi Bank Negara Malaysia ketika itu yang terlibat dalam perdagangan mata wang asing dalam skala yang sangat besar adalah dengan tujuan untuk mengaut keuntungan melalui spekulasi kadar pertukaran. Walau bagaimanapun, strategi ini membawa kerugian besar apabila pasaran mata wang tidak bergerak seperti yang dijangka.

Pada tahun 2017, satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan untuk menyiasat skandal forex ini. Laporan RCI mengesahkan bahawa terdapat kerugian besar, dan terdapat elemen cubaan untuk menyembunyikan skandal ini daripada pengetahuan awam dan pihak berkuasa lain.

Kerugian besar ini menjejaskan kestabilan kewangan negara dan memburukkan lagi keyakinan terhadap institusi kewangan Malaysia. Isu ini juga menjadi bahan perdebatan politik, dengan tuduhan terhadap pelbagai pemimpin pada era itu, termasuk Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Skandal ini menimbulkan persoalan tentang pengurusan risiko di institusi kewangan utama seperti Bank Negara. Ia juga menjadi pelajaran penting bagi Malaysia untuk lebih berhati-hati dalam menguruskan dana awam dan mengambil langkah lebih ketat terhadap spekulasi kewangan yang berisiko tinggi.

## Kes Ahli Politik, Syed Saddiq



Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman Al-Sagoff dilahirkan pada 6 Disember 1992 merupakan Ahli Politik Malaysia yang berkhidmat sebagai Ahli Parlimen (MP) di Muar sejak Mei 2018. Beliau juga merupakan bekas Menteri Belia dan Sukan dalam pentadbiran Pakatan Harapan (PH) di bawah pimpinan bekas Perdana Menteri Mahathir Mohamad dari Julai 2018 sehinggalah kejatuhan Pentadbiran PH pada Februari 2020. Beliau merupakan pengasas Malaysia United Democratic Alliance (MUDA) dan telah berkhidmat sebagai Presiden pertama MUDA sejak penubuhannya pada September 2020.



Pada 22 Julai 2021, beliau menghadapi beberapa tuduhan berkaitan rasuah dan pengubahan wang haram di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan AMLA. Tuduhan utama melibatkan penggelapan dana politik lebih RM1 juta ketika beliau memimpin sayap pemuda Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Armada) pada tahun 2020. Beliau juga didakwa memindahkan sejumlah RM50,000 ke akaun Amanah Saham Bumiputera miliknya, yang dikatakan hasil daripada aktiviti jenayah.

Pada 9 November 2023, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dikenakan hukuman penjara tujuh tahun dengan dua sebatan, serta denda RM10 juta selepas didapati bersalah terhadap kesalahan pecah amanah, salah guna harta dan penggubahan wang haram.

Mahkamah juga mengarahkan Syed Saddiq menjalani hukuman penjara tambahan selama empat tahun jika gagal membayar denda. Hakim membenarkan permohonan Syed Saddiq untuk menangguhkan hukuman penjara sementara rayuan dikemukakan dan mengarahkan syarat jaminan dikekalkan.



## Jabatan Air Negeri Sabah

Pada bulan Oktober, 2016, operasi siasatan Ops Water oleh SPRM telah dilaksanakan ke atas Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) di Kota Kinabalu, Sabah yang melibatkan dana projek Persekutuan bernilai lebih RM3.3 bilion. Dana ini adalah untuk untuk pembinaan infrastruktur asas berkaitan pengagihan bekalan air bersih untuk rakyat Sabah

Tangkapan pertama telah dibuat ke atas Ag Mohd Tahir bin Mohd Talib (bekas Pengarah JANS) dan Teo Chee Kong (bekas Timbalan Pengarah JANS) disyaki menyalah guna kuasa dan menyeleweng dana projek berkenaan.

Sejumlah RM114 juta wang tunai dan wang dalam bank telah disita. Selain itu, turut disita sembilan (9) kenderaan mewah, 94 beg tangan mewah, barang kemas dan jam mewah. Kes itu dianggap sebagai penyitaan yang terbesar oleh SPRM dalam sejarah rasuah negara.

Siasatan menemui wang tunai sebanyak lebih RM44 juta ditemui di pejabat dan rumah bekas pengarah Jabatan Air Sabah (JANS), Ag Mohd Tahir Mohd Talib. Lebih RM23 juta ditemui semasa serbuan di pejabat Ag Tahir pada 4 Oktober 2016 di Wisma Muis. Sejumlah RM62,500 ditemui dalam beg bertanda 'Tahir' di meja Ag Tahir.





Wang tunai selebihnya ditemui di tiga lokasi lain di dalam bilik pantri – di sofa dengan tiga tempat duduk, kabinet TV serta kabinet kayu. Setiap bungkusan wang mengandungi antara RM50,000 dan RM100,000 dan hanya Ag Tahir yang mempunyai akses ke bilik pantri di pejabatnya. Bilik pantri itu adalah bilik dengan papan tanda "Go Away" di pintunya di mana timbunan wang tunai ditemui dan dirampas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Manakala lebih RM21 juta ditemui ketika pasukannya menyerbu rumah Ag Tahir di Sembulan, di mana lebih RM8 juta ditemui dalam sebuah bilik di tingkat tiga rumah itu. Turut ditemui 86 jam tangan berjenama dan mewah serta 921 barang kemas. Selain itu wang tunai RM9 juta dan RM4 juta masing-masing ditemui di dalam kereta Mazda dan Mercedes-Benz.



Dana projek infrastruktur air disalurkan melalui kontrak kepada syarikat tertentu. Sebahagian kontrak diberikan kepada ahli keluarga dan kenalan rapat untuk mendapatkan komisen dan sogokan. Projek-projek ini sering kali tidak dilaksanakan dengan standard sepatutnya atau ditinggalkan terbengkalai.

Pada Disember 2021, Ag Mohd Tahir dan isterinya, Fauziah Piut, dihukum penjara 6 dan 3 tahun masing-masing selepas mengaku bersalah terhadap tuduhan pengubahan wang haram dan salah guna kuasa. Teo Chee Kong turut menghadapi pelbagai tuduhan pengubahan wang haram melibatkan harta bernilai RM32 juta.

Skandal ini mencalar kepercayaan rakyat terhadap institusi awam, khususnya yang bertanggungjawab ke atas pembangunan asas. Selepas kes ini, kerajaan mengambil langkah untuk meningkatkan kawalan terhadap peruntukan dana persekutuan di negeri Sabah dan memastikan ketelusan dalam pelaksanaan projek.

## Kes Felda

FELDA atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Federal Land Development Authority) ditubuhkan pada 1 Julai 1956 untuk membantu pembangunan tanah bagi peneroka dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Namun, sejak beberapa dekad, FELDA dilanda pelbagai kontroversi berkaitan salah urus, ketirisan dana, dan skandal rasuah.



Terdapat beberapa isu berkaitan dengan penyalahgunaan kuasa dan penipuan dalam pengurusan dana Felda, termasuk penyelewengan dalam projek hartanah yang merugikan peneroka. Pada 2015, FELDA dan FGV menghadapi kritikan serius berhubung dengan pengurusan kewangan FGV yang tidak telus, termasuk urus niaga yang tidak memadai, keputusan pelaburan yang merugikan, dan masalah tadbir urus yang lemah.

FELDA Investment Corporation (FIC), anak syarikat FELDA, didapati membeli dua hotel pada harga yang didakwa jauh lebih tinggi daripada nilai pasaran; Grand Plaza Kensington Hotel, London telah dibeli pada harga RM330 juta dan Hotel Merdeka Palace, Kuching dibeli pada harga RM160 juta. Oleh itu, SPRM membuka kertas siasatan, dan beberapa individu ditahan kerana disyaki menerima sogokan dan terlibat dalam salah laku.

Projek pembangunan di tanah FELDA Jalan Semarak, Kuala Lumpur, yang bernilai RM270 juta, diserahkan kepada sebuah syarikat swasta tanpa melalui proses tender terbuka. Tindakan ini menyebabkan FELDA hampir kehilangan hak milik tanah strategik tersebut. Bagaimanapun, FELDA berjaya mendapatkan semula tanah tersebut selepas siasatan dan campur tangan kerajaan.

IPO (Initial Public Offering) FGV pada tahun 2012 mencatatkan hasil besar, tetapi dana tersebut didakwa tidak diuruskan dengan baik. Beberapa projek pelaburan gagal, termasuk pembelian aset yang tidak produktif, menyebabkan FGV mengalami kerugian besar. Terdapat juga dakwaan bahawa keuntungan daripada IPO tidak sampai sepenuhnya kepada peneroka FELDA.



Seterusnya bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Isa Samad, menghadapi tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram. Pada tahun 2021, beliau didapati bersalah menerima RM3 juta sebagai sogokan untuk meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites, Kuching.

# CONTOH KES SEBENAR JENAYAH KOLAR PUTIH (LUAR NEGARA)

## Skandal Enron (AS)

Syarikat Enron ditubuhkan pada tahun 1985 oleh pengasasnya, Kenneth Lay. Enron Corporation, sebuah syarikat sumber tenaga Amerika yang berpusat di Houston, Texas. Enron mempunyai hampir 21,000 orang pekerja dan merupakan salah satu syarikat terkemuka di dunia yang menerajui industri elektrik, gas asli, kertas dan komunikasi.



Selepas beberapa tahun berkembang secara domestik dan antarabangsa, Enron terlibat dengan hutang yang bernilai berbilion dolar oleh kerana transaksi dan kontrak yang rumit. Semua hutang telah disembunyikan dari pengetahuan pemegang saham melalui penipuan perakaunan, pinjaman haram, dan perkongsian dengan syarikat lain yang turut dirancang.

Pada 7 Julai 2004, Kenneth Lay didakwa oleh juri di Houston, Texas berhubung penglibatannya dalam keruntuhan Enron. Dia didakwa atas 11 pertuduhan di antaranya membuat kenyataan palsu, penipuan sijil haram, pengubahan wang haram, dan konspirasi dalam dokumen dakwaan 65 helaian.

Pada 25 Mei 2006, Kenneth Lay didapati bersalah atas 6 lagi pertuduhan menipu dan membuat kenyataan palsu. Kenneth Lay pada waktu itu berkemungkinan menerima hukuman penjara selama 45 tahun. Walaubagaimanapun, beliau meninggal dunia 3 bulan sebelum hukuman dijatuhkan.

## Kes Volkswagen (Jerman)

Volkswagen adalah sebuah pengeluar kereta yang bertapak di Wolfsburg, Jerman merupakan pengeluar kereta kedua terbesar di dunia selepas Toyota. Walaubagaimanapun, pada tahun 2015, lebih 97,000 kereta Volkswagen dilengkapi dengan teknologi yang direka untuk menipu ujian pelepasan.



Penipuan pelepasan diesel Volkswagen merupakan salah satu skandal terbesar industri automotif. Skandal itu turut memberi impak kepada pengamal media automotif yang terpaksa membuat liputan bertahun-tahun rentetan skandal masih berterusan melalui kedua-dua penyiasatan dan kesan ke atas pasaran kenderaan berkuasa diesel.

Masalah berkenaan tercetus di AS apabila penyelidik mendapati terdapat percanggahan antara ujian makmal standard dan pelepasan enjin diesel Volkswagen di jalan raya. Apabila penemuan dilaporkan kepada Lembaga Sumber Udara California, satu penyiasatan dilakukan dan agensi tersebut menemui peranti penipuan yang diprogram untuk mengurangkan pelepasan kenderaan Volkswagen ketika ujian serta penilaian.



Penemuan terbabit telah memaksa Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Volkswagen, Martin Winterkorn untuk meletak jawatan pada 23 September 2015 sehingga menyebabkan syarikat menanggung kerugian berpuluh billion.

## Bernie Madoff (Amerika Syarikat)

Bernie Madoff adalah seorang ahli perniagaan dan bekas pengerusi bursa saham terkenal di Amerika Syarikat dikenali sebagai NASDAQ. Pada 12 Mac 2009, Madoff mengaku bersalah atas 11 tuduhan jenayah menipu ribuan orang pelabur melalui skim Ponzi besar-besaran.



Bernie Madoff pertama kali disiasat pada tahun 1992. Hanya pada sekitar tahun 2000, siasatan lanjut daripada beberapa firma swasta menunjukkan terdapat sesuatu yang mencurigakan mengenai kekayaannya. Kekayaan luar biasa Bernie akhirnya membawa kepada pendedahan mengenai skim ponzi yang diperkenalkannya.

Antara penipuan lain yang dibuat oleh syarikat Bernie Madoff adalah memalsukan laporan-laporan kewangan untuk memberi gambaran baik mengenai syarikatnya. Dia dipercayai telah memperdaya ramai mangsa sehingga jumlah kerugian mencecah \$65 Bilion.



Skim Ponzi yang dilakukan oleh Bernie Madoff akhirnya tidak bertahan lama apabila pelabur menyedari mereka tertipu setelah tidak dibayar wang pulangan yang telah dijanjikan. Bernie Madoff akhirnya ditangkap dan dijatuhi hukuman atas kesalahan menipu pelaburan pada 11 Disember 2008. Pada tahun 2009, mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara 150 tahun, iaitu tempoh hukuman maksimum yang dibenarkan.

## Satyam Scandal (India)

Satyam Computer Services Ltd, sebuah syarikat IT terkemuka di India memulakan operasi mereka pada tahun 1987 diasaskan oleh Ramalinga Raju. Raju merupakan seorang graduan pengurusan daripada Universiti Ohio, Amerika Syarikat.



Raju membuat pemalsuan dalam penyata kewangan syarikat, di mana dia meningkatkan asetnya lebih kurang \$1.43 juta dan juga mengurangkan liabiliti (termasuk penyata bank palsu, invois palsu, resit hasil palsu, gaji pekerja palsu.) Dia juga mencipta keuntungan palsu, iaitu 10 kali ganda lebih daripada keuntungan sebenar.

Semua ini membawa kepada kenaikan harga saham (300% kenaikan) dan peningkatan dalam pelaburan. Dengan semua wang ini, dia dapat membeli begitu banyak hartanah dan dapat memohon pinjaman untuk perniagaan hartanah. Dia merancang untuk mengisi jurang antara keuntungan sebenar dan keuntungan melambung dengan keuntungan daripada hartanah.

Tetapi disebabkan kemelesetan ekonomi 2008, rancangannya gagal kerana perniagaan hartanah mengalami kerugian besar. Pada tahun 2008, harga saham syarikat mula menjunam, dan khabar angin tentang penyelewengan kewangan mula timbul. Pada Disember 2008, Ramalinga Raju menghantar surat kepada lembaga pengarah syarikat mengaku telah memalsukan akaun, menaikkan keuntungan, dan mencipta aset dan liabiliti rekaan.

Pada Januari 2009, B. Ramalinga Raju mengaku bahawa dia telah memalsukan rekod kewangan Satyam selama bertahun-tahun. Antara pengakuan utamanya ialah laporan kewangan syarikat mengandungi penipuan lebih daripada \$1.5 bilion (kira-kira INR 7,000 crore). Akaun bank dan baki tunai yang dilaporkan adalah palsu. Ramalinga Raju menggunakan invois palsu untuk mencipta pendapatan yang tidak wujud. Perbelanjaan operasi yang direka dimasukkan dalam akaun syarikat untuk menyembunyikan penyelewengan.



Raju mendakwa dia memalsukan laporan kewangan untuk menjaga harga saham syarikat dan melindungi imej korporatnya. Bagaimanapun, siasatan menunjukkan terdapat juga unsur penipuan peribadi dan penggelapan dana. Penipuan itu menggoyahkan keyakinan pelabur, pemegang saham dan pihak berkepentingan dalam sektor korporat India.

Pengakuan itu menimbulkan gelombang kejutan di seluruh sektor korporat India dan menimbulkan persoalan tentang tadbir urus korporat, etika dan akauntabiliti. Kerajaan campur tangan dan melantik lembaga pengarah baharu untuk menyelia operasi syarikat. Lembaga baharu itu memulakan siasatan terhadap penipuan itu dan mendapati Satyam telah meningkatkan hasil lebih Rs. 7,000 crore selama beberapa tahun.

Siasatan juga mendedahkan bahawa syarikat itu telah mencipta penyata bank, invois dan dokumen lain palsu untuk menipu juruaudit, pelabur dan pengawal selia. Penipuan itu telah berlaku selama bertahun-tahun, dan beberapa eksekutif berprofil tinggi terlibat di dalamnya. Ramalinga Raju dan abangnya Rama Raju telah ditangkap dan didakwa dengan penipuan, pemalsuan, dan konspirasi jenayah.



Penipuan Satyam mempunyai akibat yang meluas kepada sektor korporat India. Ia mendedahkan kelemahan dalam rangka kerja kawal selia dan menekankan keperluan untuk undang-undang dan peraturan yang ketat. Pada 9 April 2015, Raju dihukum penjara 7 tahun selepas didapati bersalah.



# JENAYAH KOLAR PUTIH TERKINI

## Macau Scam

Istilah "penipuan Macau" secara amnya merujuk kepada sejenis skim penipuan yang berasal dari atau dikaitkan dengan Macau, wilayah yang terkenal dengan industri perjudian dan pelancongannya. Penipuan ini sering menyasarkan individu melalui pelbagai cara, termasuk komunikasi dalam talian, panggilan telefon atau interaksi secara peribadi. Berikut ialah beberapa jenis penipuan biasa yang dikaitkan dengan Macau:

### 1. Penipuan Perjudian Dalam Talian

Penipu boleh menyediakan tapak web perjudian dalam talian palsu yang menjanjikan pulangan tinggi. Mereka sering memikat mangsa dengan bonus atau promosi yang menarik tetapi akhirnya mengambil wang mereka tanpa memberikan sebarang kemenangan.



## 2. Penipuan Pelaburan

Penipu mungkin menawarkan peluang pelaburan dalam sektor kasino atau hartanah Macau, dengan menuntut pulangan tinggi yang dijamin. Mangsa sering ditekan untuk melabur dengan cepat dan mungkin kehilangan wang mereka dengan sedikit jalan keluar.



## 3. Penipuan Loteri

Sesetengah penipuan melibatkan pemberitahuan loteri palsu atau cabutan hadiah, mendakwa bahawa mangsa telah memenangi sejumlah besar wang. Untuk menuntut hadiah mereka, mangsa mungkin diminta membayar yuran atau cukai terlebih dahulu.



#### 4. Penipuan Telefon

Terdapat laporan individu menerima panggilan telefon daripada penipu yang menyamar sebagai pegawai kerajaan atau wakil daripada syarikat terkemuka, mendakwa mangsa berhutang wang atau terlibat dalam isu undang-undang.




#### 5. Penipuan Yuran Pendahuluan

Penipu mungkin menjanjikan sejumlah besar wang sebagai pertukaran untuk bayaran pendahuluan, mendakwa bahawa mereka memerlukan wang untuk memudahkan transaksi, seperti memindahkan wang yang besar.



## 6. Penipuan Romantik

Penipu sering menggunakan platform temu janji dalam talian untuk menjalin hubungan romantik dengan mangsa, akhirnya meminta wang untuk pelbagai sebab, termasuk perbelanjaan perjalanan atau kecemasan perubatan.




## 7. Penipuan Kad Kredit

Aktiviti penipuan yang melibatkan penggunaan maklumat kad kredit seseorang tanpa kebenaran untuk membuat pembelian atau mendapatkan keuntungan secara tidak sah.





## Phishing


Phishing atau pancingan data ialah sejenis jenayah siber di mana penyerang cuba memperdaya individu supaya memberikan maklumat sensitif, seperti kata laluan, nombor kad kredit atau butiran pengenalan peribadi. Ini biasanya dilakukan dengan menyamar sebagai entiti yang boleh dipercayai dalam komunikasi elektronik, biasanya melalui e-mel, mesej teks atau media sosial.



Spear Phishing: Bentuk pancingan data yang lebih disasarkan yang ditujukan kepada individu atau organisasi tertentu. Penyerang menyesuaikan mesej mereka berdasarkan maklumat peribadi sasaran.



 An illustration of a video player window. The video shows a landscape with green hills and a blue sky with a white cloud. The text 'Spear Phishing: Bentuk pancingan data yang lebih disasarkan yang ditujukan kepada individu atau organisasi tertentu. Penyerang menyesuaikan mesej mereka berdasarkan maklumat peribadi sasaran.' is displayed in the center. At the bottom of the video player, there are navigation icons: a previous button, a play button, and a next button.


Penangkapan ikan paus atau 'whaling': Jenis pancingan lembing yang menyasarkan individu berprofil tinggi, seperti eksekutif atau kakitangan penting dalam organisasi. Tujuannya adalah untuk mencuri maklumat penting seperti akaun syarikat, rahsia syarikat, akaun admin dan sebagainya.


 An illustration of a video player window. The video shows a landscape with green hills and a blue sky with a white cloud. The text 'Penangkapan ikan paus atau 'whaling': Jenis pancingan lembing yang menyasarkan individu berprofil tinggi, seperti eksekutif atau kakitangan penting dalam organisasi. Tujuannya adalah untuk mencuri maklumat penting seperti akaun syarikat, rahsia syarikat, akaun admin dan sebagainya.' is displayed in the center. At the bottom of the video player, there are navigation icons: a previous button, a play button, and a next button.


Vishing (Voice Phishing): Penjenayah menggunakan panggilan telefon untuk menipu mangsa supaya mendedahkan maklumat peribadi.

Smishing (SMS Phishing): Penyerang menghantar mesej teks yang mengandungi pautan ke tapak penipuan.


 An illustration of a video player window. The video shows a landscape with green hills and a blue sky with a white cloud. The text 'Vishing (Voice Phishing): Penjenayah menggunakan panggilan telefon untuk menipu mangsa supaya mendedahkan maklumat peribadi.' and 'Smishing (SMS Phishing): Penyerang menghantar mesej teks yang mengandungi pautan ke tapak penipuan.' is displayed in the center. At the bottom of the video player, there are navigation icons: a previous button, a play button, and a next button.


## Taktik Biasa:

**Terdesak atau Takut:** Mesej sering menimbulkan rasa terdesak (Contoh: "Akaun anda akan digantung melainkan anda mengesahkannya sekarang").


**Penyamaran:** Penjenayah boleh menyamar sebagai jenama atau individu yang dipercayai untuk mendapatkan kepercayaan mangsa.

**Pautan dan Lampiran:** Mesej pancingan data selalunya mengandungi pautan yang membawa kepada tapak web palsu yang direka untuk menangkap bukti kelayakan log masuk atau lampiran yang memasang perisian palsu.



## Pencegahan:

1. Berhati-hati dengan E-mel: Cari tanda-tanda pancingan data, seperti tata bahasa yang lemah, sapaan generik atau pautan yang mencurigakan.
2. Sahkan Sumber: Jika anda menerima mesej yang mencurigakan, sahkan identiti pengirim melalui saluran lain (cth., dengan menghubungi syarikat secara terus).
3. Gunakan Perisian Keselamatan: Pastikan komputer dan peranti mudah alih anda selamat dengan perisian antivirus yang dikemas kini.
4. Dayakan Pengesahan Dua Faktor: Ini menambahkan lapisan keselamatan tambahan pada akaun anda.
5. Didik Diri Anda dan Orang Lain: Kesedaran adalah kunci. Kongsi maklumat tentang penipuan pancingan data dengan keluarga dan rakan sekerja.



# MENGENALI PROFIL FRAUDSTER

Profil penipu (frauster) dalam konteks jenayah kolar putih merangkumi beberapa ciri dan sifat yang biasanya terdapat pada individu yang terlibat dalam penipuan kewangan atau jenayah perniagaan. Berikut adalah pengenalan kepada profil tersebut:

**FAKE**



**Pendidikan tinggi:** Mereka sering mempunyai latar belakang pendidikan yang kuat, biasanya dalam bidang kewangan, perniagaan, atau undang-undang.

**Pengalaman profesional:** Penipu ini sering kali mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam industri tertentu, memberi mereka akses kepada maklumat dan sumber daya yang membolehkan mereka melakukan penipuan.

**Kepintaran dan kebolehan analitikal:** Mereka cenderung bijak dan mempunyai kemahiran analitikal yang baik, membolehkan mereka merancang dan melaksanakan penipuan dengan teliti.







**FAKE**


**Sosial dan karismatik:** Banyak penipu kolar putih adalah individu yang mudah bergaul dan mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi orang lain, membantu mereka membina kepercayaan dengan mangsa.




**Cita-cita tinggi dan penuh tekanan:** Mereka sering kali mempunyai matlamat tinggi dan mungkin merasa tertekan untuk mencapai kejayaan, yang boleh mendorong mereka kepada tindakan penipuan.

**Penyembunyian yang teliti:** Penipu kolar putih biasanya mahir dalam menyembunyikan jejak mereka dan menggunakan teknik yang kompleks untuk mengelakkan pengesanan







*Nota:*





## Latihan Pengukuhan 1

1. Nyatakan definisi jenayah kolar putih menurut 'Young'.

.....

2. Nyatakan definisi jenayah kolar putih menurut 'Edwin Sutherland'.

.....

3. Senaraikan enam elemen jenayah kolar putih:

- i. ....
  - ii. ....
  - iii. ....
  - iv. ....
  - v. ....
  - vi. ....
- .....

4. Tuliskan dua jenis perbezaan jenayah kolar putih dan jenayah kolar biru.

.....

5. Jenayah kolar biru berbeza daripada jenayah kolar putih dari segi motivasi. Berikan contoh yang berkaitan perbezaan motivasi kedua-duanya.

.....

6. Terdapat pelbagai kesan jenayah kolar putih. Senaraikan kesan tersebut dari sudut psikologi.


.....

7. Senaraikan enam jenis kesan jenayah kolar putih:

- i. ....
- ii. ....
- iii. ....
- iv. ....
- v. ....
- vi. ....



## Latihan Pengukuhan 2





## Kemahiran Berfikir



Penjelasan Kolar Putih:

Penjelasan Kolar Biru:

Kenyataan:  
Kolar Putih vs Kolar Biru

Hubungkait:

Tempat Berlaku:

Refleksi:

Kesan:

# MARI BERCAKAP TENTANG... ISU SEMASA



**Arahan** Pilih satu soalan di bawah dan huraikan dalam masa 4 minit.

Apakah maksud kolar putih?

1

Apakah yang anda akan lakukan jika menerima hadiah daripada individu tidak dikenali?

2

Siapakah yang anda akan hubungi sekiranya ternampak perbuatan rasuah?

3

Apakah maksud kolar biru?

4

Bilakah tarikh SPRM ditubuhkan?

5

Di manakah jenayah kolar putih selalu berlaku?

6

Apakah maksud phishing?

7

Apakah yang dimaksudkan dengan profil fraudster?

8

Bagaimanakah anda mengenalpasti profil fraudster?

9

Apakah maksud Macau Scam?

10

Bagaimanakah anda dapat mengelakkan berlakunya jenayah kolar putih?

11

Di manakah kes jenayah kolar putih melibatkan syarikat Volkswagen berlaku?

12

Negara manakah terpalit dengan kes Satyam?


13

Apakah itu Skandal Enron?

14

Siapakah yang didakwa terlibat dengan 1MDB?

15



Kerajaan Malaysia. (2009). Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

KPMG. (2017). Global profiles of the fraudster. Diekstrak daripada <https://assets.kpmg.com/content/dam/kpmg/tr/pdf/2017/01/global-profiles-of-the-fraudster-v2.pdf>


Majalah Forex Malaysia. (n.d.). Kisah skandal forex yang hampir mufliskan Bank Negara. Diekstrak daripada <https://majalahforexmalaysia.com/kisah-skandal-forex-yang-hampir-mufliskan-bank-negara/>

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2020). Pembanterasan rasuah: Apakah peranan anda? Diekstrak daripada [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/pembanterasan-rasuah-apaakah-peranan-anda--my-15122020.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/pembanterasan-rasuah-apaakah-peranan-anda--my-15122020.pdf)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2021). Kursus integriti dan rasuah IPT. Diekstrak daripada [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/buku-kursus-integriti-dan-rasuah-ipt--my-06012021.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/buku-kursus-integriti-dan-rasuah-ipt--my-06012021.pdf)

Astro Awani. (2020). 5 skandal rasuah terbesar dunia pada 2020. Diekstrak daripada <https://www.astroawani.com/berita-dunia/5-skandal-rasuah-terbesar-dunia-pada-2020-280212> Berita Harian. (2017).





Skandal Forex BNM: Anwar akui negara rugi RM30 bilion. Diekstrak daripada [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/04/276251/skandal-forex-bnm-anwar-akui-negara-rugi-rm30b#google\\_vignette](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/04/276251/skandal-forex-bnm-anwar-akui-negara-rugi-rm30b#google_vignette) Berita Harian. (2024).


Jho Low: Watak sebenar bukan rekaan - Timbalan Pendakwa Raya. Diekstrak daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1305716/jho-low-watak-sebenar-bukan-rekaan-timbalan-pendakwa-raya> DiffExpert. (n.d.).

Difference between spear phishing and whaling. Diekstrak daripada <https://ms.diffexpert.com/article/difference-between-spear-phishing-and-whaling>

Astro Awani. (2023). Syed Saddiq dipenjara 7 tahun, sebatan, denda RM10 juta. Diekstrak daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/syed-saddiq-dipenjara-7-tahun-sebatan-denda-rm10-juta-445336> Berita Harian. (2016)

.Skandal diesel Volkswagen kena bayar AS\$15 bilion. Diekstrak daripada <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/5/2016/06/169110/skandal-diesel-volkswagen-kena-bayar-as15-bilion-di> Berita Harian. (2023).

RM44 juta ditemui di pejabat, rumah bekas pengarah Jabatan Air Sabah – Saksi. Diekstrak daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1118203/rm44-juta-ditemui-di-pejabat-rumah-bekas-pengarah-jabatan-air-sabah-saksi>



Iluminasi. (n.d.). Punca kejatuhan empayar Enron Corporation. Diekstrak daripada <https://iluminasi.com/bm/punca-kejatuhan-empayar-enron-corporation.html>  
Mekanika. (n.d.).

Garg, M. (n.d.). Satyam scam: Discover what exactly happened in the case. Diekstrak daripada <https://www.linkedin.com/pulse/satyam-scam-discover-what-exactly-happened-case-manshu-garg>

Skandal yang menggegarkan industri automotif. Diekstrak daripada <https://www.mekanika.com.my/skandal-yang-menggegarkan-industri-automotif/>  
Reuters. (2015). Satyam founder Raju sentenced to seven years in jail in fraud case. Diekstrak daripada <https://www.reuters.com/article/world/satyam-founder-raju-sentenced-to-seven-years-in-jail-in-fraud-case-idUSKBN0N00CP/>

Jenayah Kolar Putih merupakan modul ke 7 di dalam subjek Kursus Integriti dan Antirasuah (MPU 22071) . Ia merupakan subjek wajib bagi semua pelajar Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dan Jabatan Perdagangan Semester 1, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Semester 5, serta kursus Diploma dalam Pengurusan Operasi Runcit Semester 2.

Modul ini membincangkan tentang maksud jenayah kolar putih, perbezaan jenayah kolar putih dan kolar biru, kesan jenayah kolar putih, contoh kes sebenar jenayah di dalam dan luar negara, jenayah kolar putih terkini dan mengenali profil fraudster.

e-Book ini disertakan carta-carta dan nota-nota yang bersesuaian bagi memudahkan kefahaman pelajar untuk setiap sub-modul. Soalan-soalan latihan juga dilampirkan untuk memudahkan proses ulangkaji. e-Book ini diharap dapat memenuhi keperluan pendidik dan para pelajar yang terlibat sebagai sumber rujukan.

## JENAYAH KOLAR PUTIH

e ISBN 978-967-0074-21-4



POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR  
(online)